

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
7 March 2016

Pemimpin pembangkang 'lebih hebat'

Um - 7/3/2016

ARENA politik negara terus 'panas' membicarakan bagaimana bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersedia duduk semeja dengan pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang termasuk DAP, bagi memeterai apa yang dipanggil 'Deklarasi Rakyat' pada Jumaat lalu.

Ketika menyampaikan ucapan ringkas pada majlis tersebut, Dr. Mahathir menegaskan, kehadiran mereka atas kapasiti individu. Maksudnya, tidak kiralah sama ada mereka pemimpin DAP, PKR, PAN mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang cenderung kepada pembangkang tetapi mereka hadir atas nama individu.

Hebat sekali hujah tersebut. Apatah lagi, ia disampaikan oleh seorang individu yang dianggap cukup berpengaruh dan telah memimpin negara ini selama 22 tahun. Dari satu segi, adalah menjadi hak Dr. Mahathir untuk bersekolok dengan sesiapa sahaja bagi mencapai hasratnya untuk mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan jawatan.

Kata mereka, deklarasi itu di-zahirkan atas sikap prihatin dan kebimbangan berhubung keadaan Malaysia yang digambarkan seolah-olah sedang menuju kehancuran di bawah kepemimpinan Najib.

Tetapi persoalannya, kenapakah ia harus membatalkan pemimpin-pemimpin politik khususnya pembangkang dan 'ahli UMNO totok'? Biar pun alasan yang diberikan ialah mereka hadir atas kapasiti peribadi dengan 'memperalatkan' perkataan 'warganegara yang prihatin', namun ia tidak dapat menutup spekulasi dan andaian bahawa deklarasi itu bermotifkan politik.

Dr. Mahathir mungkin mempunyai hujah sendiri untuk bertindak demikian, apatah lagi beliau bukan lagi ahli UMNO. Bagaimanapun sikap beliau telah membuka laluan kepada pakatan pembangkang untuk 'menangguk di air keruh'.

Usahlah memberi alasan, apa yang dilakukan atas kapasiti peribadi dan 'warganegara prihatin', ia memandangkan pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang yang hadir sudah tentu memahami keuntungan politik yang bakal mereka raih.

Mereka tidak perlu bersusah payah untuk berkempen siang dan malam bagi menjatuhkan kerajaan sedia ada. Sebaliknya, mereka hanya menanti laba, khususnya dalam pilihan raya umum akan datang.



ZULKIFLEE BAKAR

zulkifleebakar@gmail.com

'Tahniah' kepada pemimpin-pemimpin pembangkang kerana mempunyai kebijaksanaan politik yang cukup hebat sehinggakan Dr. Mahathir yang pemimpin politik berpengaruh dan hebat, akhirnya bersedia bekerjasama dengan mereka.

Kalau benar deklarasi itu kononnya membawa suara rakyat, kenapakah ia hanya melibatkan pemimpin pembangkang dan NGO yang sehaluan dengan mereka. Apakah di negara ini tidak ada NGO-NGO lain yang boleh menjadi 'warganegara prihatin'? Kenapakah NGO-NGO itu tidak dirangkul bersama, kalau benar ia bermatlamat untuk 'Selamatkan Malaysia'?

Atas sebab itulah, dalam berhadapan situasi ini, UMNO dan Barisan Nasional (BN) tidak perlu panik. Keghairahan Dr. Mahathir untuk menyingkirkan Najib, hanya mendedahkan kelemahan bekas Perdana Menteri itu yang dianggap 'semakin hilang punca' dalam mencapai cita-cita beliau bagi melihat seorang lagi Perdana Menteri selepas beliau diturunkan.

UMNO dan BN perlu membiarkan sahaja Dr. Mahathir dengan gerakan politiknya. Serahlah kepada rakyat untuk menilai, adakah tindakan beliau itu betul atau tidak khususnya, kesediaan bekas Perdana Menteri itu duduk semeja dengan pemimpin-pemimpin politik yang sebelum ini melihat beliau sebagai 'musuh kamu yang paling nyata'.

Kalaupun rentetan sejarah politik negara mahu dikaji, pasti kita akan menemui pelbagai kecaman dan kata nista, pemimpin-pemimpin tersebut kepada Dr. Mahathir. Bekas Perdana Menteri itu pernah diang-



KERATAN Awang Selamat dalam Minggu Malaysia semalam.

gap seburuk-buruknya individu ketika beliau berkuasa.

Tetapi atas prinsip politik, 'tiada musuh dan kawan yang kekal' dan 'matlamat menghalalkan cara', akhirnya kesemua pemimpin pembangkang dan NGO yang sebelum ini cukup membenci Dr. Mahathir bersedia senyuman bersama dalam 'satu majlis deklarasi'. Segala-galanya seolah-olah begitu mudah dilupakan, melupakan atau terlupa.

'Tahniah' kepada pemimpin-pemimpin pembangkang kerana mempunyai kebijaksanaan politik yang cukup hebat sehinggakan Dr. Mahathir yang pemimpin politik berpengaruh dan hebat, akhirnya bersedia bekerjasama dengan mereka.

Sebelum ini, siapa sangka keadaan itu akan berlaku. Apatah lagi, kalau melihat bagaimana bencinya pemimpin-pemimpin DAP dan PKR terhadap Dr. Mahathir, khususnya dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tetapi mereka bijak manipulasikan keadaan demi untuk meraih keuntungan politik.

Pakatan pembangkang sudah pasti tidak akan 'duduk semeja' dengan bekas Perdana Menteri itu, jika mereka tahu tidak akan mendapat apa-apa faedah. Namun, mereka memahami inilah detik terbaik, memandangkan keadaan pakatan pembangkang lemah selepas Pas tidak lagi berada dalam gabungan itu.

Selama ini, mereka mencari isu bagaimana untuk memburuk-burukkan kerajaan, sekali gus boleh meraih sokongan dalam pilihan raya. Tetapi sekarang mereka tidak perlu bersusah payah kerana 'misi' mereka dilaksanakan oleh 'orang UMNO'.

Ketika pakatan pembangkang akan 'meraikan kejayaan' tersebut, UMNO perlu membuat persediaan bagi menangkis 'serangan terbaru'

itu. Tambahan pula, 'serangan' kali ini bukan sahaja melibatkan bekas Presiden parti itu, tetapi juga segelintir pemimpin yang masih aktif dalam UMNO.

Mungkin selepas ini, tidak mustahil Dr. Mahathir akan berada sebentar dengan pemimpin-pemimpin pembangkang menjelajah ke seluruh negara bagi menguar-uarkan deklarasi rakyat yang mereka tandatangani.

Mereka pasti akan menegaskan bahawa kesepakatan yang dicapai dalam deklarasi rakyat adalah demi kepentingan negara, bukan mana-mana parti. Alasan inilah juga yang digunakan ketika pakatan pembangkang sebelum ini, termasuklah ketika era Dr. Mahathir bagi melancarkan kempen 'Selamatkan Malaysia'.

Tagline Selamatkan Malaysia bukanlah isu baru, malah ia sudah berkali-kali digunakan oleh pakatan pembangkang, termasuklah ketika Anwar dipecat oleh Dr. Mahathir daripada kerajaan dan parti pada 1998.

Tetapi biasanya, orang Melayu 'mudah lupa' dan segera melupakan terhadap sesuatu peristiwa. Atas sebab itulah, orang Melayu mudah 'diperalatkan' sama ada secara sedar atau tidak oleh pihak lain, sehingga akhirnya mereka yang rugi.

Apapun diharapkan, rakyat khususnya orang Melayu tidak begitu ghairah menyambut kehadiran 'Deklarasi Rakyat', walaupun ia dikepalai oleh seorang pemimpin yang dianggap cukup hebat. Ini memandangkan, pakatan pembangkang yang diketuai oleh DAP, jauh lebih hebat kerana berjaya 'menundukkan' segelintir pemimpin UMNO untuk bersama mereka. Kesudahan-nya orang Melayu 'menang sorak kampung tergedai'. Jangan sampai ini terjadi!